

Pengajian Am (900)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 46801 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 78.76%, iaitu menurun sebanyak 3.75% berbanding dengan tahun 2010.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	8.16	6.93	9.31	11.85	13.35	15.29	12.51	6.27	5.20	4.16	6.97

RESPONS CALON

KERTAS 900/1 (ANEKA PILIHAN)

Kunci jawapan

Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan	Nombor Soalan	Kunci Jawapan
1	A	21	B	41	C
2	B	22	A	42	D
3	A	23	A	43	C
4	C	24	D	44	D
5	B	25	A	45	D
6	B	26	B	46	D
7	A	27	C	47	A
8	B	28	A	48	B
9	A	29	D	49	B
10	D	30	D	50	D
11	B	31	C	51	A
12	C	32	C	52	D
13	B	33	D	53	A
14	B	34	C	54	A
15	A	35	B	55	D
16	B	36	B	56	C
17	B	37	C	57	C
18	C	38	D	58	A
19	C	39	A	59	D
20	B	40	C	60	C

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon dalam Kertas 1 pada tahun ini menurun berbanding dengan tahun lepas. Sebanyak empat orang calon mendapat markah tertinggi, iaitu 58 markah dan 38 orang calon pula mendapat markah terendah, iaitu 0 markah.

Lapan soalan, iaitu soalan nombor 6, 11, 12, 22, 34, 36, 44, dan 51 merupakan soalan yang beraras mudah bagi calon kerana lebih 70% calon dapat menjawabnya dengan betul manakala lima soalan, iaitu soalan nombor 5, 19, 25, 41, dan 42 merupakan soalan beraras sukar bagi calon kerana kurang 30% calon yang dapat menjawabnya dengan betul. Respons calon terhadap soalan-soalan lain dalam kertas ini adalah memuaskan.

KERTAS 900/2 (ESEI)

Komen am

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon pada tahun ini adalah pada tahap sederhana. Hal ini demikian kerana masih terdapat banyak calon yang kurang memahami tugasannya, kurang memahami istilah yang digunakan, kurang mengetahui tentang isu semasa, dan lemah dalam aspek pengiraan. Walaupun majoriti calon dapat menjawab enam soalan dalam masa yang ditetapkan, iaitu tiga jam dan menunjukkan keupayaan mengurus masa, namun terdapat juga calon yang tidak berjaya melengkapkan jawapan dalam sesetengah bahagian soalan. Calon juga didapati tidak mematuhi arahan kepanjangan jawapan yang ditetapkan dalam kertas soalan. Selain itu, calon juga menyalin soalan semula untuk dijadikan sebahagian daripada jawapan. Calon juga masih melakukan kesalahan bahasa, seperti ejaan dan struktur ayat selain menggunakan ayat yang panjang dan kompleks. Calon juga lemah dalam kemahiran mentafsir, menganalisis, dan menghuraikan jawapan. Di samping itu, tulisan sebahagian calon juga kurang memuaskan kerana sukar untuk dibaca, comot, dan kabur.

Dalam bahagian A dan bahagian B, terdapat calon yang tidak dapat mengenal pasti tugasannya yang ditetapkan. Calon hanya menjawab salah satu daripada dua tugasannya yang dikehendaki oleh soalan. Walaupun kebanyakan calon berupaya mengemukakan empat idea utama yang relevan dengan kehendak soalan, tetapi idea tersebut gagal dihuraikan dengan baik. Di samping itu, terdapat calon yang tidak dapat membezakan karangan disiplin sains sosial dengan karangan disiplin sains. Tambahan lagi, ada dalam kalangan calon yang tidak mematuhi arahan soalan yang menetapkan kepanjangan karangan, iaitu antara 250 hingga 300 patah perkataan. Hal ini kerana, ada dalam kalangan calon yang menulis kurang daripada jumlah patah perkataan yang ditetapkan dan ada pula calon yang menulis lebih daripada jumlah patah perkataan yang ditetapkan. Dalam aspek kebahasaan, terdapat calon yang menulis struktur ayat yang tidak gramatis di samping menggunakan ayat-ayat yang panjang. Hal ini menyebabkan idea-idea yang ingin disampaikan oleh calon sukar difahami. Ada dalam kalangan calon juga didapati banyak melakukan kesalahan ejaan dan tanda baca.

Dalam bahagian C, bagi soalan (i), didapati banyak calon yang hanya menyalin kembali idea daripada petikan tanpa melakukan pengubahsuaian. Hal ini menyebabkan calon hanya mendapat markah minimum bagi soalan tersebut. Di samping itu, terdapat juga calon yang menggunakan lebih daripada satu ayat untuk menjawab soalan dalam bahagian ini. Bagi soalan (ii) pula, ada dalam kalangan calon yang tidak mematuhi arahan soalan yang menetapkan kepanjangan jawapan tidak lebih daripada 50 patah perkataan. Di samping itu, ada juga dalam kalangan calon yang menulis lebih daripada dua idea. Keadaan ini menyebabkan huraian bagi setiap idea tersebut tidak dapat dikembangkan dengan baik.

Dalam bahagian D, terdapat banyak calon yang membuat kesilapan. Dalam soalan 7, walaupun calon telah memindahkan maklumat yang terdapat dalam petikan dengan tepat dan melukis carta dengan baik, tetapi kegagalan calon menulis perkataan ‘Malaysia’ pada tajuk, tidak menyatakan unit data pada jumlah, tidak menulis jumlah besar, dan tidak menyediakan skala pada paip bertingkat telah menyebabkan calon mendapat markah yang rendah bagi soalan ini. Bagi soalan 8 pula, didapati banyak calon yang gagal melukis graf yang dikehendaki dengan cara yang betul, terutamanya pada paksi x. Ada dalam kalangan calon juga didapati melakukan kesalahan berkaitan dengan petunjuk dalam graf.

Dalam bahagian E, bagi soalan nombor 9, kebanyakan calon hanya membincangkan pola perubahan dan pola bandingan tanpa menyatakan kesan kesihatan di beberapa stesen terpilih. Calon juga didapati melakukan kesilapan apabila tidak menulis nilai Indeks Pencemaran Udara untuk setiap tahap kesihatan. Keadaan ini menyebabkan calon gagal memperoleh markah yang tinggi. Bagi soalan 10, kebanyakan calon didapati berjaya memberikan ulasan profil penangih dadah mengikut umur dengan baik. Namun begitu, calon didapati gagal memberikan ulasan mengikut kes dengan baik. Hal ini berlaku kerana calon tidak melakukan perbandingan bagi setiap kes yang dinyatakan. Bagiuraian data pula, calon didapati tidak menyatakan data peratus dan data jumlah serta gagal mengemukakan alasan bagi setiap idea yang dinyatakan.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A dan B: Esei Laras Sastera dan Laras Sains

Soalan 1

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan masalah yang dihadapi oleh sektor perikanan. Calon juga dikehendaki untuk menghuraikan langkah-langkah yang perlu diambil agar sektor tersebut dapat menyumbang peningkatan ekonomi negara. Soalan ini menjadi pilihan kebanyakan calon. Mutu jawapan calon adalah baik kerana sebahagian besar calon berupaya mengemukakan idea dan huraian yang relevan. Namun begitu, ada juga calon yang tidak dapat menghuraikan idea-idea yang dikemukakan dengan baik berserta dengan contoh yang relevan walaupun mereka dapat menyatakan empat idea yang tepat. Calon sepatutnya mengemukakan dua idea berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh sektor perikanan dan dua idea berkaitan dengan langkah yang perlu diambil dalam sektor tersebut yang dapat menyumbang peningkatan ekonomi negara. Antara masalah yang sepatutnya dikemukakan oleh calon seperti bekalan semakin merosot, harga tidak stabil, kekurangan kemudahan prasarana, perairan Malaysia dicerobohi oleh lanun/nelayan asing, masalah tenaga kerja, dan kekurangan modal. Antara idea langkah yang boleh dikemukakan oleh calon pula seperti menetapkan gred dan harga ikan di pasaran, membuka pasaran baharu bagi sektor perikanan di luar negara, memajukan penternakan akuakultur, meningkatkan kemudahan prasarana perikanan, menggunakan teknologi moden, menambahkan keupayaan modal, menguatkuasakan undang-undang, dan memberikan latihan kemahiran. Walau bagaimanapun, ada dalam kalangan calon yang mengemukakan idea yang tidak relevan, iaitu idea penyelidikan dan pembangunan. Idea ini tidak diterima kerana idea ini merujuk kepada idea laras sains.

Soalan 2

Soalan ini menghendaki calon membincangkan sebab masyarakat tidak gemar membaca bahan bercetak dan kelebihan media elektronik. Respons calon menunjukkan bahawa tugasannya ini adalah sukar. Kebanyakan calon tidak menjawab soalan ini. Sungguhpun ada dua tugasannya dalam soalan ini tetapi pembahagiannya tidak setara. Hal ini kerana ada calon yang beranggapan bahawa soalan ini menghendaki mereka mengemukakan dua idea sebab tidak gemar membaca bahan bercetak dan dua idea kelebihan

media elektronik. Tambahan pula, ada calon yang hanya membincangkan kelebihan media elektronik, sedangkan soalan ini menghendaki calon menyatakan tiga idea sebab tidak gemar membaca bahan bercetak dan satu idea kelebihan media elektronik. Bagi idea sebab tidak gemar membaca bahan bercetak, calon sepatutnya mengemukakan idea harga bahan bacaan, kuasa beli seseorang, mengambil masa, ilustrasi yang kurang menarik, dan sikap masyarakat. Bagi idea kelebihan media elektronik pula, calon sepatutnya menyatakan idea gaya persembahan dan penyampaian, kepelbagaiannya kandungan bahan, mempunyai unsur-unsur hiburan, dan mudah diperoleh atau didapati. Kegagalan calon menjawab soalan ini dengan baik juga disebabkan faktor kegagalan calon memahami maksud ‘celik huruf’ yang terdapat dalam tugasannya.

Soalan 3

Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kepentingan tidur dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah kesukaran tidur. Soalan ini secara relatifnya adalah mudah dan banyak calon yang menjawab soalan ini. Calon dikehendaki mengemukakan dua idea kepentingan tidur dan dua idea langkah mengatasi kesukaran tidur. Antara idea kepentingan tidur yang boleh dikemukakan oleh calon seperti menjamin kesihatan, pemulihan sel badan, memantapkan sistem ketahanan badan, dan kecerdasan minda. Idea langkah-langkah untuk mengatasi kesukaran tidur pula adalah seperti menjauhi arak dan bahan perangsang, senaman yang sesuai, menjauhi kerunsingan atau tekanan, bilik atau persekitaran tempat tidur yang kondusif, makanan, dan rawatan. Namun begitu, ada dalam kalangan calon yang hanya menjelaskan langkah untuk mengatasi masalah kesukaran tidur sahaja. Selain itu, ada juga calon yang terkeliru dalam memberikan idea. Hal ini kerana calon menyatakan idea gaya hidup sihat dalam jawapannya, sedangkan idea tersebut tidak relevan dengan kehendak soalan. Hal ini menunjukkan bahawa calon gagal memahami kehendak soalan. Di samping itu, ada dalam kalangan calon yang mengemukakan idea dengan tepat tetapi huraian yang diberikan tidak mantap.

Soalan 4

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan faktor bekalan makanan berkurangan dan kaedah untuk menangani krisis makanan. Soalan ini memerlukan calon membincangkan idea faktor bekalan makanan berkurangan seperti alternatif kepada bahan api petroleum, perubahan iklim dunia, bencana alam, teknologi penanaman konvensional, pencemaran, tanah pertanian yang semakin berkurangan, serta serangan penyakit dan serangga perosak. Idea kaedah menangani krisis makanan pula terdiri daripada penggunaan kaedah pertanian terkini, penggunaan jentera, penggunaan baja dan racun perosak, serta penyelidikan dan pembangunan. Calon dikehendaki mengemukakan dua idea faktor bekalan makanan berkurangan dan dua idea mengenai kaedah menangani krisis makanan. Ramai calon yang menjawab soalan ini memperoleh markah yang baik. Namun begitu, masih ada dalam kalangan calon yang mengemukakan idea sains sosial, iaitu idea perperangan di negara pengeluar makanan dan idea ketidakstabilan politik sebagai idea faktor bekalan makanan berkurangan serta idea mengadakan kempen sebagai satu kaedah menangani krisis makanan. Selain itu, terdapat calon yang gagal memahami kehendak soalan. Calon hanya mengemukakan kaedah menangani krisis makanan sebagai jawapannya.

BAHAGIAN C: Kefahaman dan Ulasan Teks

Soalan 5

Soalan (a) (i) menghendaki calon menjelaskan maksud *jati diri*. Sebahagian besar calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Calon sama ada hanya menyalin semula maklumat daripada petikan yang diberikan tanpa melakukan pengubahsuaian atau tidak menggunakan ayat sendiri dalam jawapan yang dihasilkan. Selain itu, terdapat calon yang memberikan jawapan yang tidak relevan, iaitu berdasarkan

pemahaman mereka sendiri tanpa merujuk kepada petikan. Jawapan yang dikehendaki ialah jati diri bermaksud keperibadian diri yang utuh terhadap kejayaan negara yang akhirnya menyuburkan semangat cinta akan negara.

Soalan (a) (ii) menghendaki calon memberikan penjelasan bagaimana sejarah dapat membantu golongan remaja membentuk jati diri. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Idea calon kebanyakannya lebih kepada kepentingan belajar sejarah. Calon juga mengemukakan idea yang tidak relevan, iaitu idea yang berkaitan peranan sejarah. Selain itu, ada dalam kalangan calon yang menjawab soalan ini melebihi 50 patah perkataan, sedangkan jumlah yang ditetapkan oleh soalan ialah tidak melebihi 50 patah perkataan. Keadaan ini berlaku kerana kebanyakkan calon tidak memahami kehendak soalan. Calon sepatutnya menerangkan cara-cara yang dapat dilakukan supaya sejarah dapat membantu remaja membentuk jati diri, seperti penghayatan terhadap pengorbanan negarawan, pengekalan warisan sejarah, mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan mengadakan lawatan, pameran, tayangan filem, mencari maklumat sejarah dalam laman web dan dokumentasi sejarah, kegiatan penyelidikan melalui kajian arkeologi atau artifak oleh arkeologis, dan penemuan baharu disebarluaskan kepada generasi muda.

Soalan (b) (i) menghendaki calon mengemukakan perbezaan antara penulisan media cetak dengan media siber. Ada dalam kalangan calon yang hanya menyalin jawapan terus daripada petikan. Hal ini menyebabkan calon hanya mendapat markah yang rendah. Ada juga calon yang langsung tidak mendapat markah kerana calon tidak mengemukakan unsur perbandingan antara penulisan media cetak dengan media siber. Walaupun begitu, kebanyakkan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang sepatutnya ialah penulisan media cetak dikawal oleh beberapa akta sementara penulisan media siber tidak dikawal.

Soalan (b) (ii) menghendaki calon mengemukakan pendapat tentang kesan baik dan kesan buruk perkembangan media siber. Calon boleh memilih mana-mana idea, iaitu sama ada kesan baik ataupun kesan buruk. Calon boleh mengemukakan idea kesan baik perkembangan media siber, seperti interaksi atau komunikasi antara seseorang dengan orang lain dapat berlaku secara meluas, penyebaran maklumat dengan kadar yang segera, pantas atau cepat, dapat menulis dan mengemukakan idea atau pandangan dengan bebas, serta memudahkan perkhidmatan elektronik. Idea kesan buruk perkembangan media siber pula adalah seperti boleh menjadi media untuk seseorang melepaskan geram sehingga boleh mengganggu perasaan orang lain, memudahkan pemalsuan identiti seperti menggunakan nama samaran, gambar, dan maklumat peribadi, serta pantas melakukan jenayah siber seperti menciplak harta intelik. Namun begitu, prestasi jawapan calon untuk soalan ini adalah sederhana. Hal ini kerana ada dalam kalangan calon yang tidak dapat menghuraikan idea yang diberikan dengan baik.

Soalan 6

Soalan 6 (a) (i) menghendaki calon menjelaskan fungsi biodiversiti. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan cara menyalin jawapan daripada petikan tanpa melakukan pengubahsuaian, iaitu tidak menggunakan ayat sendiri untuk menjawab soalan ini. Jawapan yang dikehendaki ialah fungsi biodiversiti adalah sebagai sumber makanan, pakaian, ubat-ubatan, pengitar semula air, penstabil cuaca, dan penyuburan tanah.

Soalan 6 (a) (ii) menghendaki calon menyatakan sebab-sebab berlakunya ancaman terhadap biodiversiti. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat mengemukakan idea yang tepat dan huraian yang mantap. Namun begitu, terdapat segelintir calon yang gagal memahami maksud biodiversiti. Hal ini menyebabkan jawapan yang diberikan oleh calon menyeleweng daripada kehendak soalan. Idea-idea yang sepatutnya dikemukakan oleh calon seperti kemasuhan habitat akibat penukaran

guna tanah untuk pertanian, perlombongan, dan pembinaan, penggunaan sumber biologi secara tidak lestari dan berlebihan, pengenalan spesies baharu dari luar yang mungkin memusnahkan spesies tempatan, pencemaran, perubahan iklim, serta bencana alam.

Soalan 6 (b) (i) menghendaki calon memberikan pernyataan bagaimana e-hidung digunakan untuk mengawal kualiti makanan. Kebanyakan calon menjawab soalan ini dengan menyalin jawapan yang terdapat dalam petikan tanpa melakukan pengubahsuaian pada ayat. Namun demikian, terdapat juga calon yang menjawab soalan ini dengan tepat, iaitu berdasarkan kualiti piawaian bau yang diprogramkan.

Soalan 6 (b) (ii) menghendaki calon menyatakan kelebihan penggunaan e-hidung berbanding dengan penilaian bau oleh hidung manusia dalam penghasilan produk makanan. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan jawapan yang baik kerana gagal memahami konsep e-hidung. Hal ini menyebabkan calon gagal memberikanuraian idea dengan tepat. Jawapan sepatutnya ialah kualiti bau yang dikesan oleh e-hidung adalah tepat dan tekal, proses penghasilan makanan dapat dilakukan dengan cekap, kesilapan yang disebabkan oleh kelemahan manusia dapat diatasi, serta jaminan kebersihan.

BAHAGIAN D: Alih Bentuk Maklumat daripada Linear kepada Bukan Linear

Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon menyediakan carta yang sesuai untuk menunjukkan pendaftaran baharu kenderaan persendirian mengikut jenis dan jumlah pendaftaran bulanan pada tahun 2006. Kebanyakan calon menjawab soalan ini. Prestasi calon dalam menjawab soalan ini adalah memuaskan. Calon berjaya memindahkan maklumat kepada jadual dengan tepat. Terdapat calon yang mendapat markah penuh untuk soalan ini. Calon juga berjaya melukis carta dengan baik dalam masa yang ditetapkan. Namun demikian, terdapat dalam kalangan calon yang gagal menyiapkan carta walaupun jadual yang disediakan adalah baik. Di samping itu, ada juga calon yang tidak menuliskan jumlah besar, tidak menuliskan unit pada jumlah besar, tiada perkataan 'Malaysia' pada tajuk, menuliskan nilai sudut dalam carta pai, tidak menuliskan skala pada pai bertingkat, dan tidak menuliskan peratus dalam silinder. Selain itu, ada dalam kalangan calon yang tidak dapat mentafsirkan media yang perlu dihasilkan berdasarkan kehendak soalan dengan tepat. Hal ini kerana, ada calon yang menghasilkan media yang salah, iaitu carta pai bandingan dan bar kompaun. Selain itu, ada dalam kalangan calon yang tidak menitikberatkan unsur kekemasan semasa menghasilkan carta ini. Kecualian yang dilakukan oleh calon ini telah menyebabkan calon kehilangan banyak markah dan memperoleh markah minimum sahaja. Jawapan yang tepat bagi soalan ini ialah carta pai bertingkat.

Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon menyediakan graf yang sesuai untuk menunjukkan kadar perubahan bilangan kes jenayah yang berjaya diselesaikan oleh pihak polis antara tahun 2005 hingga tahun 2006. Mutu jawapan calon adalah pada tahap sederhana. Kebanyakan calon berjaya mengenal pasti jenis graf yang dikehendaki oleh soalan. Namun begitu, terdapat calon yang kurang memahami kehendak soalan. Hal ini menyebabkan calon menghasilkan graf yang salah, iaitu graf garis segaris, graf bar kompaun satu nilai, graf histogram memesong, graf bar komponen, dan graf bar piramid mudah. Selain itu, calon juga melakukan kesalahan seperti tidak menulis perkataan 'Malaysia' pada tajuk, tidak meletakkan label 'kes' pada paksi, tidak menulis kadar perubahan pada paksi Y, dan melukis media dengan menggunakan nilai mutlak. Calon juga menulis maklumat yang tidak relevan apabila memasukkan kes curi dan kes mencederakan seseorang sebagai maklumat data. Hal ini menyebabkan calon tersebut menghasilkan graf bar memesong dengan lapan bar. Jawapan yang tepat bagi soalan ini ialah graf bar memesong dengan enam bar.

BAHAGIAN E: Pemindahan Maklumat daripada Bukan Linear kepada Linear**Soalan 9**

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan kesan kesihatan di beberapa stesen terpilih dari tahun 2004 hingga tahun 2006. Calon juga dikehendaki mengemukakan sebab pencemaran udara sukar diatasi. Soalan ini memerlukan calon memberikan jawapan secara kualitatif. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat memberikan kesan kesihatan sama ada baik atau sederhana mengikut stesen tertentu. Walau bagaimanapun, calon tidak dapat menghuraikan data dengan betul kerana tidak menyatakan Indeks Pencemaran Udara (IPU) bagi setiap kesan kesihatan yang dinyatakan. Calon juga tidak menyatakan data IPU bagi setiap tahun yang dinyatakan, iaitu tahun 2004, 2005, dan 2006. Sebaliknya, calon hanya menyatakan data IPU untuk tahun pertama (2004) dan tahun terakhir (2006) sahaja tanpa menyatakan IPU untuk tahun 2005. Terdapat juga calon yang hanya menyatakan nilai IPU bagi stesen tanpa menyatakan kesan kesihatan. Calon ini menggunakan pola perubahan untuk menjelaskan kesan kesihatan di stesen terpilih yang dinyatakan, seperti pola peningkatan, penurunan, dan tidak stabil. Calon turut menyatakan pola perbandingan tertinggi dan terendah tanpa menyatakan kesan kesihatan. Ada dalam kalangan calon yang tidak memahami kehendak soalan bahagian kedua, iaitu sebab pencemaran udara sukar diatasi. Calon hanya menerangkan punca pencemaran dan idea yang dikemukakan oleh calon tidak relevan dengan kehendak soalan. Jawapan sepatutnya bagi bahagian ini ialah pertambahan kenderaan, pembebasan asap kilang, dan penerokaan hutan.

Soalan 10

Soalan ini menghendaki calon mengulas profil penagih dadah mengikut umur dan jenis kes di Malaysia pada tahun 2005, seperti yang dinyatakan dalam jadual yang diberikan. Mutu jawapan calon untuk soalan ini adalah sederhana kerana calon gagal memberikan huraian bagi idea yang dikemukakan. Selain itu, ada dalam kalangan calon yang turut gagal memberikan idea yang tepat mengikut kehendak soalan. Soalan ini mempunyai dua tugas yang perlu dijawab. Namun begitu, ada calon yang hanya menjawab satu daripada dua tugas yang diberikan, iaitu ulasan tentang profil penagih dadah mengikut umur tanpa memberikan ulasan tentang profil penagih dadah mengikut jenis. Terdapat juga calon yang membuat perbandingan kes dengan hanya menyatakan pola tertinggi tanpa menyatakan pola terendah. Ada juga calon yang menyatakan pola tertinggi dan terendah untuk profil mengikut umur, tetapi tidak menyatakan jumlah besar bagi setiap idea yang diberikan. Hal ini menyebabkan calon tidak mendapat markah untuk huraian data.